

Sedekah Amalan Pembuka Pintu Rezeki



Oleh: Anis Wahida Muhammad Nazmi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 20 Jun 2021

Mungkin kita sering mendengar orang selalu berkata, dalam rezeki kita ada rezeki orang lain. Sudah tentu, rezeki adalah lebih berkat jika dikongsi bersama orang lain.



Gambar hiasan

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tangan yang menghulur lebih baik daripada tangan yang menerima, mulakanlah dengan mereka yang di bawah tanggunganmu. Sebaik-baik sedekah itu adalah yang tidak mengorbankan keperluannya atau keluarganya, sesiapa yang menahan daripada meminta sedekah dia akan dijaga oleh Allah SWT, sesiapa yang berasa berpada-pada maka diberikan Allah SWT kelegaan kepadanya.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sedekah yang dianggap segelintir pihak sebagai merugikan dan remeh ini sebenarnya merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam.

Makna sedekah dalam Islam itu sangat luas. Sedekah bukan sahaja dalam bentuk kebendaan, malah ia boleh dilakukan dengan pertolongan, mengajar ilmu, senyuman, berzikir dan sebagainya.

Kita seringkali tidak sedar bahawa sekecil-kecil nilai wang yang kita sedekahkan ketika dalam kesempitan adalah sebesar-besar nilai di hadapan Allah SWT.

Jadi, orang yang bersedekah adalah sangat bertuah kerana akan sentiasa mendapat ganjaran pahala yang berterusan bahkan Allah SWT menambah rezekinya kerana dia menjadi saluran untuk orang lain mendapat rezeki juga.

Menerusi firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.” (Surah al-Munaafiquun, ayat 10)

Seperti yang kita ketahui, bumi Palestin baru-baru ini diasak dengan bedilan bom daripada Zionis laknatullah. Mungkin kita tidak dapat ke sana untuk membantu tetapi kita boleh menyokong perjuangan rakyat Palestin menentang pencerobohan Israel dengan membekalkan mereka pelbagai kemudahan seperti pek makanan dan peralatan kebersihan.

Bantuan kewangan juga sangat diperlukan sebagai pertolongan kecemasan kepada rakyat Palestin yang sedang berjuang mempertahankan bumi mereka.

Kita di sini dapat menikmati juadah yang lazat tetapi kita tidak tahu mereka di sana mungkin kelaparan dan tiada apa-apa makanan untuk mengalaskan perut. Jadi, sedekah daripada kita sedikit sebanyak dapat membantu mereka.

Ulama terkemuka dunia, Prof Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya, *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam* menyatakan, salah satu nilai rabbani paling utama dalam Islam adalah penetapan bahawa manusia bukannya pemilik harta yang hakiki, tetapi hanya diberi kuasa untuk memanfaatkan harta Allah SWT.

Tidak dinafikan ada masanya kita berkira dengan rezeki Tuhan, berasa takut untuk memberi kerana bimbang jika wang pada hari tersebut tidak mencukupi.

Secara tidak sedar, amalan sedekah akan menjadikan seseorang itu dimudahkan rezeki, terhindar daripada bala bencana, dipanjangkan umur, mencegah daripada kematian buruk dan sebagainya.

Pada masa yang sama, bersedekah juga membantu kita melawan sifat mazmumah iaitu kedekut. Sedekah dapat menghindarkan kita daripada mengutamakan keduniaan dan materialistik, menjauhkan diri daripada sikap bongkak, terhindar daripada sifat kedekut serta melahirkan rasa syukur dalam diri.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama bersedekah kerana dengan amalan itu, kita akan mendapat ganjaran pahala yang besar seterusnya memperoleh rezeki yang tidak disangka-sangka.